

DIAMI RUMAH UZUR, HAMPIR RUNTUH

NORAWAZNI YUSOF

2 Januari 2017



Khairuddin (empat, kanan) menyempurnakan penyerahan bantuan rumah baharu yang lebih selesa menerusi PMR kepada Aminah di Kampung Pelak.

PEKAN – Tiada apa yang menggembirakan buat warga emas apabila mendapat rumah baharu untuk berteduh menerusi Perumahan Bina Baru Projek Mesra Rakyat (PMR) di Kampung Pelak, Pekan.

Aminah Idris, 80, menyuarakan perasaan gembira dan bersyukur kerana pada usia yang tersebut masih layak menerima bantuan perumahan demi meneruskan kelangsungan hidupnya.

Menurutnya, rumah baharu pemberian kerajaan itu dapat memberi keselesaan kepada kehidupannya kerana sebelum ini dia terpaksa tinggal di rumah uzur dan usang.

“Rumah lama makcik dah uzur, dan reput...bila hujan dan ribut rumah akan bergoyang seperti nak runtuh. Bila hujan makcik lari ke rumah anak yang berdekatan,” katanya.

Dia berkata demikian ketika di sini ketika dihubungi selepas majlis penyerahan rumah yang disempurnakan oleh Adun Pulau Manis, Datuk Khairuddin Mahmud, di sini.

Majlis itu turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Pelak, Nazian Nasir.

Ibu kepada lima anak itu berkata, dia tidak menyangka terpilih untuk menerima bantuan rumah daripada kerajaan.

“Terima kasih kepada Adun dan kerajaan di atas sumbangan ini. Mungkin ini rezeki dan doa orang ramai kepada mak cik untuk memiliki rumah sendiri pada usia begini.

“Alhamdulillah akhirnya ALLAH SWT memberi kesempatan untuk saya mendiami rumah baharu ini biarpun arwah suami telah tiada,” katanya.

Sementara itu, Khairuddin berkata, kebajikan warga emas berkenaan menjadi fokus utama kerajaan selepas rumah lamanya sudah lagi tidak selamat didiami.

Menurutnya, rumah dilengkapi dengan ruang tamu, tiga bilik tidur, dapur, bilik mandi dan tandas cukup selesa didiami Aminah.

“Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM40,000 untuk membina rumah baharu warga emas ini. Kita harapkan beliau dapat menjaga rumah ini dengan sempurna,” katanya.

Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/diami-rumah-uzur-hampir-runtuh-1.605469>